

Headline	130,000 sukarelawan Gaza bantu jayakan misi		
Media Title	Utusan Malaysia		
Date	23 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	13	Readership	534,633
Language	Malay	Article Size	102 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 1,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,987



130,000 sukarelawan Gaza bantu jayakan misi

KUALA LUMPUR 22 Julai - Misi bantuan kemanusiaan ke Gaza anjuran Biro Kebajikan UMNO dan Kelab Putra 1Malaysia (KP1M) kali ini turut melibatkan seramai 130,000 sukarelawan dari pelbagai pertubuhan bukan kerajaan di wilayah berkenaan.

Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, mereka akan membantu pihaknya dari segi penyaluran pelbagai jenis bantuan termasuk makanan dan perubatan di Gaza.

Menurut beliau, kerajaan Mesir juga bersedia memberi kerjasama dengan menyediakan kawalan kepada sebanyak 65 anggota misi yang terdiri daripada doktor, sukarelawan dan pengamal media sepanjang perjalanan mereka dari Kaherah ke Rafah.

"Kumpulan pertama terdiri daripada lapan anggota dijadualkan berlepas dari Malaysia pada 6 Ogos ini dengan diketuai oleh Timbalan Presiden KP1M, Datuk Farid Hassan.

"Saya sendiri akan mengetuai kumpulan kedua yang terdiri dari-

pada 57 anggota dan kami dijangka bertolak pada 12 Ogos ini," katanya dalam sidang akhbar majlis penyerahan sumbangan kepada misi berkenaan di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) di sini hari ini.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Duta Palestin ke Malaysia, Dr. Anwar Al-Agha dan Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail.

Pada majlis itu, sumbangan wang tunai RM300,000 diterima daripada Yayasan Kumpulan Mah Sing diikuti 10,000 pak makanan dan minuman bernilai RM50,000 daripada Nestle serta keperluan perubatan bernilai RM46,000 daripada Saha Technology (M) Sdn. Bhd.

Abdul Azeez menambah, semua peserta akan tinggal di Hospital Khan Younis, Hospital Rafah dan Hospital Persatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa bagi memudahkan penyampaian bantuan kepada mangsa-mangsa yang cedera.